

**ENAKMEN 6 TAHUN 1991
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991**

BAHAGIAN IV - KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

Seksyen 64. Menghalang Pihak Berkuasa Agama menjalankan tugas-tugasnya.

Barang siapa dengan sengaja menghalang seseorang Pegawai Pihak Berkuasa Agama daripada menjalankan tugas-tugasnya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali.
